

TARIKH: 6/12/23
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 15

Suri rumah cedera terima faedah Perkeso selepas tergelincir

PETALING JAYA — Seorang suri rumah, Gurdeep Kaur yang mengalami kecederaan pada bahagian leher dan belakang pinggang akibat tergelincir ketika memasak menerima bayaran faedah Hilang Upaya Kekal (HUK) oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Perkeso Negeri Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, wanita berusia 52 tahun itu dikategorikan sebagai suri rumah berinsurans (SRB) apabila didapati mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Berdasarkan laporan, ketika kejadian pada 17 Mei lalu, wanita tersebut sedang menyediakan makanan tengah hari dan kemudian menuju ke kabinet dapur untuk mengambil sudu bagi merasa hidangan yang disediakan sebelum tiba-tiba tergelincir disebabkan lan-

tai basah dan berminyak.

"Puan Gurdeep Kaur disahkan mengalami kecederaan slipped disc di bahagian leher dan belakang pinggang selepas mendapatkan rawatan di Hospital Columbia Asia, Klang pada hari yang sama.

"Susulan tuntutan Notis Bencana Domestik yang difailkan di Pejabat Perkeso Klang, hasil semakan mendapati pencarum SKSSR secara sukarela ini layak diberikan faedah HUK dengan jumlah pampasan sekali bayar sebanyak RM3,300," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dalam kenyataan sama, setakat 26 November lalu, Perkeso memaklumkan seramai 200,528 pencarum SKSSR direkodkan dari seluruh negara, manakala jumlah pembayaran faedah kepada 364 penerima adalah sebanyak RM974,769.32.



GURDEEP KAUR (tiga dari kiri) menerima bayaran faedah HUK sebanyak RM3,300 daripada pihak Perkeso baru-baru ini.

KOSMO
6/12/23
MS15